Mr Speaker, Sir, who suffers by these hard and fast rules on the language qualification? Not the people who had laid down all these conditions, but the people of this country who have to wait or die as a result of the shortage of doctors to attend to them. The Acting Minister of Health in his written answer has again denied the truth that the language qualification was one of the main reasons causing many doctors and dental surgeons to resign from Government Service. This is only an excuse to evade the issue, for the Government is fully aware, and has been aware for some time now, that they have lost many doctors and dental surgeons due to this language bar. It is quite understandable that these doctors are much too ethical and dignified to criticise the Government on this delicate issue of the national language before they resign. Why should they do so when there are many other alternative doors open to them since the Ministry has failed to appreciate their sacrifices and sincere efforts to help the medical service.

Sir, now the Government has turned to Philippines for help and is bringing in doctors who are completely unfamiliar with local conditions and who have not the slightest knowledge of the Malay language, while the Government has driven out our local doctors who are quite capable in their spoken Malay and yet does something now which completely defeats its original purpose. There is no use putting up

clinics when there are no doctors to staff them. It is just trying to deceive the rural people pretending to improve the rural health service. It is nothing but a cheap propaganda.

In the past Indian doctors were employed on short term periods of three to five years. Some of them have served even longer. They are already familiar with local conditions. Yet when their contracts were fulfilled they were told that their services were no longer required, resulting in many hardships, such as uprooting the families, interrupting the children's education, loss of contact in public practice, etc. Yet in spite of the present shortage of doctors, their contracts were not renewed, but the Government rather prefer to employ Filipino doctors, who cannot even speak a word of Malay and whose qualifications are questionable, and send them to rural areas. The health of the rural people will be affected due to the inexperience and language difficulties of these Filipino doctors. If the Government is really sincere about improving the health conditions of the rural areas, let it, firstly, retain our local doctors in the Government Service by improving their service conditions, secondly, waiving or relaxing the language requirement by only having an oral examination, and thirdly, by retaining the services of the Indian doctors who are already on contract here.

Sir, coming to Education, I would like to touch on the most controversial issue of the Alliance Education Policy, i.e., to make Malay the main medium of instruction in all schools as stated in paragraph 59 of the Special Appendix to the Royal Address of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong. This has been one of the two major issues which has caused the Alliance crisis in 1959. The Alliance is fully aware that this is one of the major issues which has been rejected by the Chinese schools and I say that the Alliance has no mandate to force this on all the National-type Secondary Schools as envisaged in the Razak Report, because in both its election manifestoes in 1955 and 1959 it was never stated that Malay shall be the main medium of

instruction in all schools, as the terms of reference in the Razak Report clearly stated "to make Malay the National Language". If the Alliance insists that the intention of the Alliance Education Policy is to make Malay the main medium of instruction, why have they not boldly included in their 1959 manifesto this item? No, they would not. They dared not. They have not the courage to do so, because if they do, they would lose their support from the Chinese voters. Therefore, I charge that the Alliance, until they obtain a mandate from the people, have no right now or in the future to enforce this issue in all National-type Chinese Secondary Schools; and if the Alliance insists on this, let them include it in the 1964 election manifesto as one of the main issues for the coming election.

Sir, another point is that the Education Department is asking school managements to put up plans for the expansion of their school courses such as building extra laboratories for chemistry and physics and after having complied with the request the managements are told that their request for building extra rooms is refused. Why doesn't the Education Department inform the managements right at the beginning that it would not approve such expansion instead of making the managements to put up plans and spending money and then after seven or eight months informing them that their request had been turned down? Sir, this would in no way help provide better facilities in the schools, and also at the same time making people to spend money unnecessarily. Therefore, I appeal to the Minister to look into matter. In case the Education Department has no intention of allowing these expansions, do not make the school managements to put up plans and to spend unnecessary money. Thank you.

**Enche' Mohamed bin Ujang (Jebeu-Jempol):** Tuan Yang di-Pertua, dalam mengambil bahagian perbahathan ucapan terima kaseh di-atas Titah di-Raja ini, sa-belum saya berucap, saya suka mengambil peluang ini untuk mendo'akan mudah<sup>2</sup>an pemergian Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri

ka-Tokyo itu akan dapat menyelesaikan masalah yang kita hadapi sekarang ini ia-itu Malaysia, saya yakin dan percaya bahawa Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat di-Dewan Ra'ayat ini akan bersama<sup>2</sup> dengan saya mendo'akan pemergian Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri untuk menyelesaikan masalah Malaysia itu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson yang berdiri dan berchakap dengan megah-nya dan dengan suara yang lantang mengatakan bahawa beliau ada-lah ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak. Apa yang saya harap, Tuan Yang di-Pertua, sa-muga apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah sa-benar-nya, kerana saya berasa churiga—chukup churiga kepada Ahli Yang Berhormat itu, oleh sebab pada suatu masa dahulu beliau telah di-beri tugas untuk menjadi Menteri Muda Pelajaran dan telah menjadi wakil Malaya di-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu di-mana telah berlaku satu peristiwa ia-itu dia telah dudok dalam satu jamuan yang di-adakan oleh Kerajaan . . . . .

**Mr Speaker:** Order! Order! Ada-lah salah dalam peratoran ini, jika menyebutkan salah sangka bagi sa-saorang itu, itu ta' boleh—ta' boleh impute improper motives!

**Enche' Mohamed bin Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson telah berchakap berkenaan dengan mentadbirkan negeri Perak dengan mengatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan itu ada berhak mengeluarkan fikiran dan sa-bagai-nya dalam mentadbirkan negeri-nya. Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu tidak mempelajari dan mengetahui benar<sup>2</sup> tentang Perlembagaan Negeri<sup>2</sup> pada masa ini, kerana di-dalam Perlembagaan sa-sa-buah Negeri itu ada tertulis ia-itu tiap<sup>2</sup> Duli<sup>2</sup> Yang Maha Mulia Raja<sup>2</sup> Melayu itu hendak-lah menjalankan pekerjaan-nya dengan nasihat ahli<sup>2</sup> Exco-nya. Saya ta' tahu-lah apa yang akan terjadi kalau parti-nya itu memereintah negeri ini nanti apa yang akan di-buat-nya terhadap Sultan<sup>2</sup>. Ada-kah

Ahli Yang Berhormat itu akan menyuruh Sultan<sup>2</sup> berkempen? Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Perlembagaan Negeri<sup>2</sup> Duli Yang Maha Mulia Sultan<sup>2</sup> ada-lah mengikut nasihat Exco. Tadi Ahli Yang Berhormat itu ada menyebutkan ia-itu pada masa sa-belum merdeka dahulu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ada berchakap tentang perkara mentadbirkan negeri-nya. Saya suka hendak menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu ia-itu keadaan pada masa dahulu ada-lah berlainan daripada keadaan masa sekarang, kerana pada masa dahulu, Duli Yang Maha Mulia Sultan<sup>2</sup> ada berkuasa penoh tetapi sekarang ada-lah berlainan, kerana pada masa sekarang ini Sultan<sup>2</sup> tidak boleh menchampioni keadaan politik di-dalam Negeri-nya. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson itu akan mengambil ingatan dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-menjak parti U.D.P. ini di-tubuhkan, saya telah ingin benar hendak mendengar pendirian parti tersebut berkenaan dengan soal pelajaran. Soal ini telah berkali<sup>2</sup> di-kemukakan kepada Yang di-Pertua Parti itu, Dato' Zainal Abidin, tetapi nampak-nya Dato' itu tidak menjawab dengan tepat, dan kita telah mendapat jawapan dari Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson, ia-itu pendirian-nya ada-lah sama dengan P.P.P. Ini ada-lah satu penerangan ta'at setia-nya kepada negeri ini berhubung dengan soal pelajaran . . . . .

**Enche' Too Joon Hing:** On a point of order, you will hear it soon!

**Enche' Mohamed bin Ujang:** Saya ucapkan terima kasih. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pelajaran ini, saya suka hendak berchakap dan hendak menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu ia-itu perkara yang di-chakapkan-nya itu nampak-nya ta' ada perkara lain, balek<sup>2</sup> dia mengatakan yang kita ini tidak ada mempunyai mandate bagi membuat dasar pelajaran dan sa-bagai-nya. Tadi Ahli Yang Berhormat itu telah berchakap berkenaan dengan pindaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang mana beliau itu telah menyatakan bahawa kita tidak ada mandate dari

ra'ayat, dari itu kita tidak boleh meminda Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Dalam Perlembagaan memang ada bab yang membenarkan kita meminda Perlembagaan itu; itu tidak penting, Tuan Yang di-Pertua, tetapi soal yang kita hadapi sekarang ini ia-lah soal Malaysia. Jikalau pindaan Perlembagaan tidak di-bawa kadalam meshuarat ini, macham mana kita hendak menubuhkan Malaysia? Soal Malaysia ini telah banyak di-ucapkan oleh pehak<sup>2</sup> pembangkang, tetapi apa yang saya kesalkan sangat ia-lah ucapan<sup>2</sup> itu sa-rupa dengan pendirian, atau ucapan<sup>2</sup> dari Parti Komunis di-luar negeri. Perkara ini, saya rasa bukan perkara yang terjadi, tetapi perkara yang sengaja di-buat, dan boleh saya katakan, atau pun boleh saya anggap bahawa mereka itu berchakap dalam Dewan ini ia-lah bagi pehak yang tertentu. Juga tatkala membuka perbahathan dalam Dewan Ra'ayat ini dahulu, Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah menerangkan istilah-nya berkenaan dengan demokrasi dalam negeri ini. Beliau telah menerangkan ia-itu pada pendapat-nya, demokrasi dalam negeri ini ia-lah memberi tempat hak kepada yang hak, ma'ana-nya tiap<sup>2</sup> apa juga hasil, atau kemewahan, atau pertimbangan dalam negeri ini hendak-lah di-beri keutamaan kepada orang<sup>2</sup> Melayu, tetapi pada pendapat Ahli P.P.P. pula demokrasi dalam negeri ini hendak di-jalankan dengan sama rata, ia-itu siapa juga yang menjadi ra'ayat dalam negeri ini hendak-lah di-beri pertimbangan yang sama, ma'ana-nya hak istimewa orang<sup>2</sup> Melayu itu hendak-lah di-beri kepada bangsa<sup>2</sup> lain. Tuan Yang di-Pertua, telah berkali<sup>2</sup> di-nyatakan dalam Dewan ini pendirian Kerajaan Perikatan berkenaan dengan demokrasi dalam negeri ini ia-lah kita hendak-lah memberi hak itu kepada yang hak sa-bagaimana yang di-nyatakan oleh pehak PAS tadi ia-itu keistimewaan orang Melayu itu hendak-lah ada, tetapi kita memberi layanan yang baik dan adil walau kepada siapa jua yang ta'at setia kepada negeri ini. Jadi, dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati perbahathan atau pertentangan pendapat

di-antara dua parti ini dan saperti biasa dalam ranchangan yang kita sudah dapat persamaan, tetapi dengan ada-nya perbahathan di-antara dua parti ini, bagi saya dasar yang kita jalankan sekarang ini ada-lah yang terbaik bagi negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi kelaziman dalam Dewan ini apabila kita berbahath satu<sup>2</sup> perkara, pehak Pembangkang kerap-kali mendatangkan tudohan<sup>2</sup>—tudohan<sup>2</sup> yang liar, yang tidak berasas sama sa-kali. Jadi berkenaan dengan tuduhan tadi Yang Teramat Mulia Perdana Menteri telah menerangkan dengan sa-benar<sup>2</sup>-nya, dan Yang Teramat Mulia Perdana Menteri telah dapat kesanggupan daripada Yang Berhormat dari Kuala Langat ia-itu beliau akan membuat tuduhan itu di-luar Dewan ini. Dan kita menunggu bila-kah Yang Berhormat itu akan menyambut chabaran Yang Teramat Mulia Tunku. Kita dalam Dewan ini ada-lah memandang penting tentang soal yang sa-umpama itu, kerana jika tuduhan yang sa-umpama itu di-buat dengan tidak di-jawab oleh Kerajaan boleh mengelirukan ra'ayat. Tuduhan memang boleh di-buat, Tuan Yang di-Pertua. Mithalnya, saya boleh menuduh Yang Berhormat dari Bungsar ia-itu apabila dia datang ka-Bahau dahulu telah memungut wang daripada Socialist Front di-sana sa-banyak \$800 sampai sekarang ini tidak berganti. Soal yang sa-umpama ini akan jadi panjang kalau tidak di-jawab. Saya sendiri tidak boleh buktikan tuduhan saya itu, tetapi tuduhan memang ada. Oleh itu sa-bagaimana yang saya katakan tuduhan liar yang sa-umpama itu jangan di-buat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bekas Menteri Pertanian dan Sharikat Bekerjasama juga telah membuat tuduhan mengatakan Kerajaan ini sa-lain daripada corruption telah tidak dapat menjalankan pentadbiran dengan baik dan apa<sup>2</sup> ranchangan semua-nya tidak dapat di-jalankan. Saya suka menarek perhatian Majlis ini ia-itu sa-masa beliau menjadi Menteri dahulu bermacam<sup>2</sup> ranchangan telah di-buat-nya, dan sa-bagaimana yang di-terangkan oleh

Yang Berhormat Perdana Menteri tadi satu ranchangan pun tidak dapat dijayakan-nya. Saya teringat sa-kali dahulu Yang Berhormat itu telah membuat ranchangan berkenaan dengan pemulehan sa-mula bekas<sup>2</sup> Special Constabulary di-Perak di-mana wang \$300,000 telah di-belanjakan. Saya hendak tahu daripada beliau itu apakah telah jadi kepada wang yang \$300,000 itu? Dan saya tahu ranchangan itu telah di-batalkan, dan wang yang \$300,000 itu hanyut sahaja. Jadi dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita di-dalam Dewan ini sa-belum hendak membuat tuduhan itu hendak-lah kita selidiki, dan jangan-lah kita membuat tuduhan liar sa-bagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Parti Perikatan memang suka, menerima dan membenarkan apa<sup>2</sup> juga tegoran atau apa<sup>2</sup> juga pendirian parti<sup>2</sup> siasah, kerana kita perchaya dengan kebebasan berchakap dan kebebasan membuat parti politik, tetapi memang-lah kita tidak bersetuju kalau satu<sup>2</sup> parti politik itu mendapat arahan daripada parti yang tidak ada dalam negeri ini. Ma'ana-nya kalau satu parti politik itu tidak ada polisi-nya sendiri, ia-itu dapat arahan daripada negara lain, maka parti itu harus kita tidak benarkan. Jadi sa-bagaimana yang saya katakan tadi banyak parti<sup>2</sup> politik di-sini mengeluarkan suara-nya di-Dewan ini mempertahankan atau menyuarakan mereka yang tidak ada di-sini.

Saya rasa sa-takat itu-lah sahaja yang saya dapat mengambil bahagian dalam perbahathan ini, Tuan Yang di-Pertua, dan saya harap benar-lah tuduhan yang liar saperti itu tidak lagi di-timbulkan dalam Dewan ini pada masa yang akan datang.

**Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Tengah):** Tuan Yang di-Pertua, dengan sukachita-nya saya bangun sa-kali lagi mengambil kesempatan bagi pehak penduduk Seberang Tengah, Bukit Mertajam, yang lebeh daripada 90,000 orang menguchapkan shukor, tahniah dan terima kaseh kepada Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong. Penduduk<sup>2</sup> di-Seberang Tengah, Bukit Mertajam, ada-lah berasa megah dan menguchapkan terima kaseh kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kehormatan kepada saya menjadi penyokong pertama dalam usul yang asal yang di-kemukakan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Port Dickson. Titah di-Raja ini sungguh pun pendek tetapi ada-lah padat, tepat, tegas dan penting. Tuan Yang di-Pertua, Titah uchapan di-Raja ini pada keseluruhan-nya ada-lah menjadi bukti bahawa Kerajaan Perikatan telah menunaikan janji<sup>2</sup>-nya terhadap ra'ayat, dan akan terus bagitu dengan penoh tanggong-jawab untok keamanan, kema'amoran dan kebahagiaan, sama ada dasar dalam negeri mahu pun dasar luar negeri. Kerajaan Perikatan akan menuju kepada matlamat-nya ia-itu untok keamanan, kema'amoran dan kebahagiaan. Hasrat kita di-Malaya ini bukan sahaja untok mengekalkan ketenteraman bagi dunia di-sabelah sini tetapi juga untok bekerjasama bagi masaalah kita bersama, terutama sa-kali masaalah<sup>2</sup> yang dapat memberi kesejahteraan kepada ra'ayat. Saya juga berserta berdo'a dengan rakan saya Yang Berhormat dari Jelebu-Jempol agar Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman akan berjaya di-dalam persidangan-nya yang tidak berapa hari lagi itu.

Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu banyak pelawat dari luar negeri yang datang ka-negeri ini telah memuji<sup>2</sup> usaha dan tenaga Kerajaan tentang dasar pembangunan luar bandar. Boleh di-katakan pakar<sup>2</sup> yang datang dari luar negeri itu menganggap Persekutuan Tanah Melayu ini ada-lah satu pusat latehan bagi ranchangan luar bandar.

Kerajaan telah menyediakan segala kemudahan saperti klinik<sup>2</sup> untok ibu<sup>2</sup> yang mengandong dan anak<sup>2</sup> kechil, sekolah<sup>2</sup> bagi murid<sup>2</sup>, balai<sup>2</sup> raya dan padang<sup>2</sup> permainan bagi pemuda pemudi, surau<sup>2</sup> dan masjid<sup>2</sup> bagi orang<sup>2</sup> dewasa, pendek kata daripada bayi yang baharu lahir sa-hingga dewasa sampai ka-kubor Kerajaan telah memberi kemudahan. Sungguh pun bagitu Panglima Pembangunan Luar Bandar ia-itu Yang Amat Berhormat Tun Abdul

Razak berikrar dan berusaha mengadakan lagi berbagai<sup>2</sup> project atau rancangan untuk meningkatkan taraf hidup orang<sup>2</sup> kampung. Tuan S. Schola telah mengumumkan di-Kuala Lumpur pada bulan Disember tahun yang lalu bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah<sup>2</sup> yang tegas tentang hendak memperbaiki keadaan hidup kawasan luar bandar dan dalam bandar. Kata beliau lagi: "Saya fikir ini ada-lah satu kejayaan yang luar biasa pada pehak Kerajaan Persekutuan." Kita berasa shukur sa-bagai ra'ayat yang merdeka hidup aman dan damai serta ma'amor dan dengan hasrat ini-lah kita memperjuangkan nasib ra'ayat di-wilayah Brunei yang maseh terjajah, bukan sahaja untuk bebas daripada perhambaan, tetapi juga bebas, merdeka, ma'amor dan di-dalam kebahagiaan. Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ucapan Titah di-Raja ini pada tiap<sup>2</sup> penggal selalu Duli Yang Maha Mulia menitekberatkan soal tanggungjawab ahli<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat. Di-sini saya bachakan:

"Tuan<sup>2</sup> dan puan<sup>2</sup> ada-lah mempunyai keistimewaan mewakili ra'ayat dan menyuarakan kehendak<sup>2</sup> mereka pada ketika kita sedang menchipta sejarah".

Muka 2 pula:

"Tuan<sup>2</sup> dan puan<sup>2</sup> akan mengutamakan kepentingan negara".

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa dukachita dan kesal yang amat sangat menyatakan ia-itu maseh ada lagi Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat di-Dewan ini yang tidak sedikit mengindahkan segala nasihat<sup>2</sup> Seri Paduka Baginda itu. Kita tahu ia-itu Persekutuan Tanah Melayu yang di-pimpin oleh Kerajaan Perikatan ia-lah negara yang benar<sup>2</sup> merdeka dan bebas walau pun di-ejek<sup>2</sup> dan di-keji yang mengatakan merdeka sa-tengah masak, tetapi padahal warga negara Persekutuan ini bebas berfikir, bebas bergerak dan lain<sup>2</sup>-nya. Saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ada sikap sa-tengah<sup>2</sup> Yang Berhormat di-sabelah sana seperti Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dari PAS ia-itu pemimpin<sup>2</sup> PAS. Di-sa'at negara kita sedang di-musohi oleh negara tetangga kita, di-masa seluroh ra'ayat membuat persediaan untuk mempertahankan demokrasi, maka apa-kah yang di-buat oleh pemimpin<sup>2</sup> PAS? Mereka hanya

kata orang—menanggok di-ayer yang keroh. Yang Berhormat dari Bachok dan juga dari Ipoh masing<sup>2</sup> menuntut kebebasan mereka dengan suara yang lantang, mereka menuduh Kerajaan tidak mempunyai kebebasan, tidak mempunyai tanggung-jawab. Kebebasan bagi PAS ada-lah berlainan dengan kebebasan yang di-kehendaki oleh PPP atau UDP, kalau negara kominis juga ada kebebasan-nya yang tertentu ia-itu kebebasan-nya yang tersendiri. Kata pepatah Inggeris: "Freedom means so many things to so many peoples". Jadi tidak dapat-lah kita dan susah hendak menyesuaikan kehendak<sup>2</sup> sa-suatu parti atau sa-suatu idiologi politik itu. PAS dalam ucapan<sup>2</sup>-nya kita selalu dengar dalam Dewan ini telah menyuarakan dengan suara yang lantang hendak membela hak orang Melayu dan PPP hendak membela hak orang<sup>2</sup> China, tetapi saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita tahu lima enam bulan dahulu PAS telah juga berikhtiar membuka pintu parti-nya untuk menarek orang<sup>2</sup> yang bukan Islam masuk di-dalam rumah atau pintu PAS, sa-telah chadangan itu gagal maka sekarang pula telah tergamak ahli<sup>2</sup> PAS masuk pintu dan masuk kelambu bersama<sup>2</sup> dudok berkhawat dengan PPP dan UDP (*Ketawa*). Ini satu perkara yang saya chukup hairan sekali . . . . .

**Mr Speaker:** Kalimah "khalwat" tidak boleh di-pakai—tarek balek.

**Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman:** Saya tarek balek (*Ketawa*). Tetapi tujuan dan kedudukan parti-nya sangat berlainan seperti langit dengan bumi ia-itu idiologi parti Islam dengan idiologi parti PPP dan UDP, sebab itu-lah saya katakan dengan parkataan yang saya tarek balek tadi (*Ketawa*). Itu-lah hasrat parti Islam dengan memasok pintu dan masuk kelambu dudok bersama<sup>2</sup> dengan parti pembangkang yang berlainan idiologi-nya yang hanya satu tujuan sahaja ia-lah hendak menumbangkan Kerajaan Perikatan.

**Enche' Mohd. Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh):** Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya belum ada lagi satu United Front untuk menumbangkan parti Perikatan.

**Mr Speaker:** Belum ada lagi front—tinggalkan begitu sahaja. Proceed!

**Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman:** Kita tahu PAS pandai menuduh Kerajaan dan saya mithalkan ada-lah sa-bagai burung kasturi, ostrich di-Australia yang tabi'at-nya selalu chari lubang dan benamkan kepala-nya dalam lubang itu; dan ekor serta badan-nya yang terburai di-luar itu difikir-nya orang ta' nampak.

**Enche' Lim Kean Siew:** Sir, on a point of information . . . .

**Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman:** I have no time.

**Enche' Lim Kean Siew:** Ostrich do not look for holes.

**Mr Speaker:** Please proceed.

**Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman:** Saya minta dan saya berharap, bukan sahaja daripada PAS begitu juga daripada Socialist Front jangan-lah sa-bagai kata pepatah Melayu: "Ayam bapak yang kokok-nya berderai<sup>2</sup>, tetapi ekor-nya bergelumang dengan tahi." Tuan Yang di-Pertua, kita di-Persekutuan ini menjalankan dasar demokrasi ia-itu demokrasi berparlimen maka demikian-lah juga kalau Persekutuan Malaysia yang akan tertuboh nanti, teraju pentadbiran negara akan di-pegang oleh wakil<sup>2</sup> ra'ayat yang dipileh oleh ra'ayat menerusi pilehan raya maka yang demikian dasar negara Persekutuan ini mahu pun dasar luar atau dasar dalam negara ada-lah berdasarkan dengan kehendak suara yang banyak bukan dengan suara yang sadikit dalam Dewan ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kepada wakil Ipoh yang selalu bila beruchap dalam Dewan ini saya berasa kechiwa oleh sebab perkara<sup>2</sup> yang tidak patut di-ucapkan yang boleh menyakitkan hati antara kaum itu di-ucapkan dalam Dewan ini, kerana kita tahu tabi'at orang Melayu ada-lah satu bangsa yang sabar, satu bangsa yang pendiam dan orang Melayu juga ada-lah satu bangsa yang suka mengamok dan tidak suka mendengar gendang raya berbunyi pada masa yang tidak tentu. Jadi, saya minta-lah kepada Yang Berhormat itu berjaga<sup>2</sup> sadikit apabila beruchap ber-

kenaan dengan satu<sup>2</sup> kaum yang akan menyakitkan hati satu<sup>2</sup> kaum. Tuan Yang di-Pertua, kita banyak terdengar di-antara ahli<sup>2</sup> yang beruchap dua hari yang lalu . . . .

**Mr Speaker:** Berapa panjang lagi? Sudah habis-kah belum?

**Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman:** Belum, panjang lagi.

**Mr Speaker:** Order! Order! The time is up. The House is suspended to 4.30 this afternoon.

*Sitting suspended at 1 p.m.*

*Sitting resumed at 4.30 p.m.*

(Mr Speaker in the Chair)

## EXEMPTED BUSINESS (Motion)

**The Deputy Prime Minister (Tun Haji Abdul Razak):** Mr Speaker, Sir, I beg to move,

That the proceedings of the House this day relative to the Address of Thanks to His Majesty shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until 8.00 p.m., and, unless the debate thereon shall have come to a close before that hour, Mr Speaker shall thereupon put all necessary questions to the House to bring the proceedings on the said motion to a conclusion.

**The Minister of Internal Security and Minister of the Interior (Dato' Dr Ismail):** Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the proceedings of the House this day relative to the Address of Thanks to His Majesty shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until 8.00 p.m., and, unless the debate thereon shall have come to a close before that hour, Mr Speaker shall thereupon put all necessary questions to the House to bring the proceedings on the said motion to a conclusion.

## MOTION

### THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH

#### Address of Thanks

Order read for resumption of debate on Question:

"That an humble Address be presented to His Majesty the Yang di-Pertuan

Agong as follows:

"Your Majesty,

We, the Speaker and Members of the Dewan Ra'ayat of the Federation of Malaya in Parliament assembled, beg leave to offer Your Majesty our humble thanks for the Gracious Speech with which the Fifth Session of Parliament has been opened."

with amendment by Enche' Zulkiflee bin Muhammad to delete the full-stop and add at the end the following words:

"but regrets that the Gracious Speech does not mention specific and effective steps and plans to assist Malays in commerce and industry and does not specify the efforts and plans of His Majesty's Government to wipe out colonialism in the four Malay provinces in Southern Thailand by peaceful means."

*Debate resumed.*

**Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ucapan Titah di-Raja pada muka 2 ada berbunyi:

"... Beta yakin oleh kerana semua ahli Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat sedar akan penting-nya kemajuan yang berlaku sekarang dan kejadian<sup>2</sup> pada masa hadapan, maka tuan<sup>2</sup> dan puan<sup>2</sup> akan mengutamakan kepentingan<sup>2</sup> negara dengan semangat perpaduan yang tulin . . ."

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati dalam negeri ini chorak politik party<sup>2</sup> Pembangkang tidak-lah menguntungkan kepada bangsa dan negara malah merugikan semua sa-kali. Di-sebalek-nya membayangkan rasa tanggung-jawab-nya untuk memelihara maruah bangsa dan mengawal kehormatan negara maka pemimpin<sup>2</sup> ini ada-lah bachol untuk mempertahankan maruah negara.

**Mr Speaker:** Order! Order! Jangan menggunakan perkataan bachol itu.

**Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman:** Pemimpin<sup>2</sup> ini takut tidak berani bertanggung-jawab untuk mempertahankan maruah negara. Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dalam Dewan ini tentu-lah tahu bahawa ini-lah masa-nya kita mesti berganding bahu. Dalam soal kebangsaan atau national apabila negara kita terancam party<sup>2</sup> ini tidak mahu mengendahkan atau tidak mahu mengambil peduli sama sa-kali tetapi menunjukkan belang dan chorak, ini-

kah yang di-namakan ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu?

Soal Malaysia dalam muka 5 ini, saya suka mengambil bahagian; boleh di-katakan sa-panjang Titah di-Raja ini banyak Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat telah beruchap panjang lebar berkenaan dengan soal ini. Kita telah mendapat sokongan Malaysia semenjak persidangan Perdana Menteri Commonwealth pada tahun lalu. Dan baharu<sup>2</sup> ini Tuan Jawaharlal Nehru, Perdana Menteri India berkata, "kami memandang satu kesatuan seperti Malaysia akan menjadi ka-arrah menghapuskan pemerintahan penjajah". Tuan C. V. Narasimhan Setia Usaha Rendah Bangsa<sup>2</sup> Bersatu berkata baharu<sup>2</sup> ini sa-lepas daripada kunjongan-nya di-wilayah Borneo dia dapati pemimpin<sup>2</sup> ra'ayat di-wilayah Borneo yakin bahawa pembentokan Persatuan Malaysia akan di-chipta dan akan mencapai kemerdekaan dan mendapat kema'amoran. Dan juga dalam *Utusan Melayu* pada hari ini kita pun telah membaca berkenaan dengan pandangan yang di-dapati oleh tiga orang Ahli Parli-men British dari Party Buroh yang baharu sahaja melawat di-wilayah<sup>2</sup> Borneo. Sunggoh pun ada negara yang memandang Tanah Melayu ini sa-bagai melukut di-tepi gantang memandang kechil, hina dan burok tetapi saya perchaya manusia di-dalam negeri ini sendiri memandang chantek dari pandangan mata-nya. Saya suka sebutkan kata<sup>2</sup> dari tuan C. V. Narasimhan Setia Usaha Rendah Bangsa<sup>2</sup> Bersatu; saya bachakan di-sini:

"Mr C. V. Narasimhan today said that Malaya was a powerful force in the Afro-Asian Bloc in the United Nations because of her dignity, restraint and tolerance. As in the maxim, deeds speak louder than words. Malaya knows when to speak and when to say nothing. I only hope that other Asian nations can follow your country's example and keep their mouth shut and speak only at the right time."

Ini ada-lah kata<sup>2</sup> daripada tuan C.V. Narasimhan. Kita dapat tahu baharu<sup>2</sup> ini dua orang ahli Barisan Socialist atau Party Socialist mengadakan perjumpaan di-Chin Woo, bekas Yang Berhormat Menteri Pertanian telah menyeru ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu ini menumbangkan Kerajaan

Perikatan dengan cuara berpelembagaan, ini amat-lah di-kesalkan—gerakan menumbangkan pemerintah yang di-pilih oleh ra'ayat yang menjalankan dasar berparlimen. Ra'ayat yang ta'at setia yang tidak berbelah bagi hendak-lah di-satukan menentang sehingga titisan darah yang akhir untuk mempertahankan negeri ini. Soal Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah soal negara oleh itu ini ada-lah tanggung-jawab bagi semua ra'ayat juga party<sup>2</sup> Pembangkang dalam negeri ini berdiri dalam menghadapi konfrantasi negara<sup>2</sup> luar itu demi kepentingan keselamatan dan maruah negara yang kita chinta. Tetapi, sikap parti<sup>2</sup> pembangkang ada-lah mengambil kesempatan untuk menghentam dasar luar negeri pemerintah berkaitan dengan Malaysia dalam sa'at negara sedang sibok menghadapi dasar penentangan dari sa-buah negara asing ia-itu Indonesia ada-lah sangat<sup>2</sup> di-kesalkan.

Dasar parti<sup>2</sup> pembangkang dalam masalah Indonesia dan konfrantasinya itu ada-lah jelas menunjukkan belang dan sikap-nya ia-itu tiada menguntungkan bagi Kerajaan, ra'ayat dan negara. Dengan terang ini menunjukkan yang mereka anti kepentingan national. Chuba kita lihat apa yang berlaku dan apa yang di-buat oleh semua parti di-India, baik parti pemerintah, mahu pun parti pembangkang termasuk Parti Komunis India. Mereka dengan sabulat suara bersama<sup>2</sup> dengan pemerintah menentang soal sempadan. Ini menunjukkan bahawa parti<sup>2</sup> pembangkang di-India ada-lah benar<sup>2</sup> berjuang untuk kepentingan negara dan bangsa, malang-nya parti<sup>2</sup> pembangkang dalam negeri ini ada-lah berchorak opportunist, bukan nationalist, kerana faedah diri-nya sendiri daripada kepentingan national. Ini Tuan Yang di-Pertua, ada-lah sangat<sup>2</sup> di-kesalkan.

Malaya dan seluroh ra'ayat-nya ada-lah sentiasa berharap supaya perhubungan di-antara Tanah Melayu dengan Indonesia itu menjadi tegoh dan baik, kerana kedua<sup>2</sup> buah negara itu mempunyai satu kebudayaan dan bangsa<sup>2</sup>-nya juga ada-lah terdiri dari satu rumpun dan sa-darah sa-daging.

Kita di-Malaya dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak sa-kali<sup>2</sup> berniat hendak memencilkan Indonesia, atau pun hendak mengancam Indonesia, tetapi kalau-lah masaalah maruah, maruah pemimpin dan maruah negara telah di-singgong maka kita tidak boleh berdiam diri dan membenarkan diri kita di-perhinakan. Penghinaan<sup>2</sup> terhadap Bapa Kemerdekaan Malaya dan pemimpin<sup>2</sup> Malaya tidak akan dapat di-terima oleh ra'ayat Malaya. Penghinaan kepada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri ada-lah di-anggap sa-bagai satu penghinaan kepada seluroh ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu.

Dasar konfrantasi terhadap Malaya dan kechaman<sup>2</sup> terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada-lah satu galakan kepada ra'ayat Malaya untuk membela Kerajaan dan Perdana Menteri-nya. Kenyataan dan sokongan ini datang-nya bukan dengan desakan, atau paksaan dari sa-siapa juga pun, tetapi ada-lah terbit-nya dari hati yang jujur, yang bersifat perwira dan sedar tentang ma'ana-nya kebebasan yang sa-jati.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya New Zealand, C. M. Bennet ada mengatakan di-sini ia-itu :

In the person of your Prime Minister, Tunku Abdul Rahman, we see a statesman of the first rank and indeed a man of destiny.

Dan di-Kuala Lumpur ini juga Tuan Brockway ia-itu juruchakap Parliament Inggeris dan juga Tuan Arthur Bootomley telah memuji<sup>2</sup> Perdana Menteri kita ia-itu sa-bagai sa-orang Perdana Menteri yang chekap.

Saya ucapkan terima kaseh dan bershukur kepada Tuhan, sungguh pun parti<sup>2</sup> pembangkang dalam Dewan ini, saya katakan tadi tidak bertanggung jawab, walau pun begitu kita patut ucapkan terima kaseh kepada pekerja<sup>2</sup> lombong yang tiada jadi mogok pada tempoh hari dahulu di-mana sa-ramai 15,000 orang pekerja<sup>2</sup> lombong pada bulan March tahun lalu ada-lah menunjukkan bahawa waktu negara kita telah terancam, demi kepentingan negara, ra'ayat dari semua gulongan ada-lah berdiri di-belakang Yang

Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri dan berdiri di-belakang Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Dan juga perbuatan yang menghina bagi negara kita oleh sa-orang Ketua Negara dengan menyanyikan lagu Terang Bulan. Ini ada-lah satu penghinaan yang merupakan penghinaan sa-chara langsung terhadap ra'ayat dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, saperti bendera, maka lagu kebangsaan ada-lah lambang bagi seluruh negara. Lambang itu biasa-nya di-pertahankan dengan titisan darah ra'ayat; sa-suatu yang tidak boleh di-persendakan, atau di-permainkan, dan ra'ayat sudah tentu tiada rela tentang perbuatan penghinaan itu di-lakukan oleh sa-siapa juga, tetapi saya berasa dukachita ia-itu pemimpin Parti Islam sa-Tanah Melayu apabila di-tanya oleh wartawan, saya ingat wartawan *Utusan Melayu* ia-itu apa-kah pendapat tuan berkenaan dengan perkara ini. Jawab-nya : No comment.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia, mengikut pendapat dan pakar<sup>2</sup> daripada golongan Komunis dan pro-Komunis. Malaysia akan di-kendalikan oleh anak<sup>2</sup> negeri Persekutuan Tanah Melayu yang berlumuran dengan darah, kerana melakukan pembunuhan terhadap penjuang<sup>2</sup> kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dahulu. Maksud-nya orang yang mematahkan perjuangan Komunis di-Persekutuan Tanah Melayu. Orang<sup>2</sup> daripada golongan ini ia-itu orang<sup>2</sup> yang bersimpati dengan perjuangan Komunis, baik di-Singapura mahu pun di-Persekutuan Tanah Melayu dan di-mana juga pun, anggap ia-itu orang<sup>2</sup> Komunis yang melakukan kekejaman dan pembunuhan di-Persekutuan Tanah Melayu sa-lama 12 tahun itu ada-lah sa-bagai patriot—penjuang kemerdekaan, penjuang kebebasan. Mereka<sup>2</sup> itu-lah sa-benar-nya patriot perjuangan kerana membunuh dan merampas harta-benda manusia yang tidak berdosa. Orang<sup>2</sup> Komunis dan pro-Komunis menganggap Kerajaan Perikatan yang telah di-beri mandate oleh ra'ayat untuk mendapatkan kemerdekaan dan memerintah negeri ini ada-lah sa-bagai patong, atau boneka penjajah. Ini tiada hairan, oleh sebab propa-

ganda Komunis memang enak<sup>2</sup> kita dengar. Modal besar Komunis, kalau di-mana<sup>2</sup> juga pun ia-lah imperialist, capitalist, neo-colonialist dan berbagai<sup>2</sup> list lagi, tetapi apabila di-fikirkan sa-mula ternyata-lah Komunis itu-lah yang sa-benar-nya neo-colonialist. Komunis ingin menjajah dunia dengan ideology yang di-kutok dan di-laknat oleh Tuhan. Orang<sup>2</sup> Komunis dan kunchu<sup>2</sup>-nya saperti Socialist Front dan Barisan Sosialis di-Singapura harus mengerti Malaysia insha'Allah mesti tertuboh. Ra'ayat Malaysia dengan jiwa nationalist-nya yang tulin serta dengan pertolongan Allah yang maha berkuasa akan berganding bahu untuk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Titah di-Raja ini, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menyebutkan berkenaan dengan usaha<sup>2</sup> untuk memperbesar-kan angkatan bersenjata dan dalam hujongan-nya ada tersebut ia-itu Kerajaan sedang berusaha bagi mengadakan rumah<sup>2</sup> polis sa-bagai menggantikan rumah<sup>2</sup> yang di-bena oleh penjajah dahulu. Saya di-sini menguchapkan berbanyak terima kaseh, kerana Kerajaan sedang berusaha untuk mengadakan rumah<sup>2</sup> itu, dan juga memandangkan perkhidmatan polis dan askar di-Raja yang chemerlang itu, maka saya mengalu<sup>2</sup> menguchapkan terima kaseh dan tahniah kepada mereka, dan dalam usaha Kerajaan pula hendak menyemak sa-mula gaji<sup>2</sup> pasokan polis di-Raja ini, saya berharap agar tangga gaji yang akan di-tentukan itu hendak-lah bersesuaian dengan kerja<sup>2</sup> mereka dan hendak-lah di-percepatkan menjelang-nya lahir negara Persekutuan Malaysia nanti.

Berchakap berkenaan dengan peranan surat khabar dalam negeri ini, saya menguchapkan tahniah kepada wartawan<sup>2</sup> ia-itu peranan<sup>2</sup> yang di-mainkan oleh surat<sup>2</sup> khabar dalam negeri ini. Kita tidak mengkongkong dan tidak saperti surat<sup>2</sup> khabar dari negara tetangga kita, tetapi mereka ada-lah bebas dan saya berasa dukachita oleh sebab mendengar tuduhan<sup>2</sup> yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mengatakan bahawa surat<sup>2</sup> khabar di-sini ada-lah mengeluarkan suara

Kerajaan dan surat<sup>2</sup> khabar di-Tanah Melayu ini di-kongkong oleh Kerajaan. Saya perchaya wartawan<sup>2</sup> Malaya ada hadir dalam persidangan Wartawan<sup>2</sup> Afro-Asia di-Jakarta di-mana mereka telah menjalankan peranan yang besar. Mereka berterus-terang, berani dan tegas sa-bagai wartawan<sup>2</sup> national, saperti Rosidin Yaakob dan Osman Wok. Saya ucapkan sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah kepada mereka. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ia-itu Kerajaan Perikatan memang-lah terhutang budi kepada wartawan<sup>2</sup> kita dalam persidangan wartawan<sup>2</sup> Afro-Asia, kerana mereka telah dapat menyingkirkan sa-barang serangan terhadap soalan<sup>2</sup> dari pihak Indonesia khas-nya, dan wartawan<sup>2</sup> lain am-nya mengenai Tanah Melayu dan Malaysia. Sikap wartawan<sup>2</sup> Malaya ka-persidangan itu yang telah pun bersama menandatangani peristiharan Jakarta itu adalah satu bukti yang terang bahawa Malaya ada-lah negara yang bukan neo-colonialism dan neo-imperialism.

Berkenaan dengan penerangan di-luar negeri, Tuan Yang di-Pertua, kerap kali ra'ayat di-seberang laut mengenai Tanah Melayu ada-lah di-kesalkan. Jika gerakan penerangan ini kuat (active) di-seberang laut, maka saya perchaya tidak ada yang akan berlaku salah faham sa-bagaimana sekarang, kerana kita dapati penuntut<sup>2</sup> kita di-Taiwan, London, Eropah dan Amerika saya dapat tahu, mithal-nya, di-Taiwan mereka anggap ia-itu Malaysia di-paksa tanpa mendapat persetujuan ra'ayat, dan mereka di-beri keterangan ia-itu Malaysia ini ditentang, bukan sahaja oleh pihak Pembangkang tetapi juga oleh anggota Parti Perikatan sendiri. Di-England juga ia-itu sa-orang yang bernama Kassim Ahmad, baharu<sup>2</sup> ini telah membuat memorandum menentang Malaysia. Jadi saya perchaya kalau-lah ada Pejabat Penerangan ini mengambil bahagian yang chergas sadikit, maka perkara<sup>2</sup> yang saya sebutkan tadi tidak akan berlaku. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menchurahkan ayer dingin di-atas segala daya-utama Kementerian Luar Negeri berkenaan dengan Persidangan Kemunchak itu kerana kita sama<sup>2</sup> mendengar pagi ini

Persidangan Kemunchak itu akan di-chipta tidak berapa lama lagi, dan saya yang mewakili seluruh ra'ayat Seberang Tengah berdo'a agar Persidangan Peringkat Menteri<sup>2</sup> itu akan berjaya, kerana persidangan itu akan menjadi anak kunci kepada Persidangan Kemunchak yang akan datang, dan saya tidak lupa juga menguchapkan tahniah kepada Enche' Ghazali bin Shafie ia-itu pegawai yang telah berjaya mengadakan persidangan peringkat pegawai di-Manila dan sa-orang yang telah mengambil initiative berkenaan dengan persediaan<sup>2</sup> untok persidangan yang akan datang. Dan juga baharu<sup>2</sup> ini saya dengar yang Kerajaan sedang mengambil initiative untok mengikat satu perjanjian saling tidak cheroboh-mencheroboh (non-aggression) mengikut dasar Persidangan Bandung yang mewajibkan tiap<sup>2</sup> negara menghormati kedaulatan dan maruah daerah<sup>2</sup> satu<sup>2</sup> negara.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, menjelang lahir-nya Malaysia Kerajaan harus-lah sedar bahawa subversive kominis itu bukan-nya di-lakukan dari satu jurusan sahaja bahkan melalui buku<sup>2</sup>, tulisan<sup>2</sup> dan risalah<sup>2</sup> dari luar negeri dan juga dari dalam negeri, dan jangan-lah Kerajaan hanya menchegeh dan mengawal gerakan subversive dari luar negeri sedang subversive dari dalam di-biarkan berluasan dan berkembang biak. Usaha<sup>2</sup> menghapuskan kesangsaraan dan keselamatan kepada ra'ayat yang di-jalankan sekarang ini belum chukup, tetapi perkara yang penting dan mustahak ia-lah usaha<sup>2</sup> membentok jalan fikiran ra'ayat dan usaha<sup>2</sup> untok membasmi unsur kominis dan ideology kominis menerusi tulisan dan sastera hendak-lah di-perhebatkan dan di-perhatikan dengan berat. Chita<sup>2</sup> kominis untok mena'alok negeri ini akan berhasil bukan dengan chara kekerasan senjata tetapi ada-lah dengan saloran yang saya sebutkan itu.

Kita telah melihat banyak bukti bahawa pemimpin<sup>2</sup> Socialist Front Persekutuan Tanah Melayu dan Barisan Sosialis Singapura yang di-kuasai oleh Parti Kominis Indonesia. Bukti-nya ia-lah Persidangan Socialist Front Malaya yang berakhir pada 28hb

Januari, 1962 di-Kuala Lumpur. Hari yang . . . .

**Mr Speaker:** Nampak-nya tidak hendak beri peluang kepada orang lain.

**Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman:** Sadikit lagi, Tuan Yang di-Pertua . . . . hari yang kenyataan di-buat di-Singapura oleh Lim Chin Siong anggota Barisan Sosialis Singapura kepada pemberita akhbar Indonesia, "Bintang Timur," dia berkata, dan saya perchaya rakan-nya dari Socialist Front juga bersetuju dengan-nya, ia-itu ia lebeh suka Singapura berchantum dengan Indonesia daripada Malaya. Maka dengan keterangan ini, Tuan Yang di Pertua, kita berasa sangat-lah dukachita kepada pemimpin<sup>2</sup> parti Pembangkang itu kerana bukan sahaja menjokkan sikap membangkang tetapi pemimpin parti tersebut sa-lama ini mengaku bahawa mereka-lah juara ra'ayat dalam perjuangan menentang penjajah. Bahawa dengan ini menjokkan ia-itu ta'at setia pemimpin<sup>2</sup> itu dan parti<sup>2</sup>-nya bukan kepada ra'ayat Malaya tetapi kepada Moscow atau Peking. Maka oleh sebab yang demikian dan oleh sebab D. N. Aidit pemimpin Parti Komunis Indonesia telah berjaya menggunakan jarum untuk memasoki kuman merah atau kuman kominis ini kepada jiwa pemimpin<sup>2</sup> Barisan Sosialis, PAS dan Socialist Front, maka wabak kuman itu sedang merebak dan saya berharap kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian berat dan langkah<sup>2</sup> yang tegas melawan wabak kuman merah atau wabak kominis yang sedang bermaharajalela, kerana wabak kominis atau wabak kuman merah ini lebeh merbahaya daripada wabak penyakit ta'un. Sakian-lah sahaja. Terima kaseh.

**Puan Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong chadangan menyampaikan ucapan terima kaseh kepada ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas titah di-Raja pada 22 haribulan yang lepas. Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sadikit dalam Kementerian Pertahanan. Sa-sungguh-nya saya sukachita men-

Mr Speaker, Sir, I personally think that one should never come to the position where personal abuse is necessary to win a debating point. It has been stated that we have said things over and over again, but that we have not got the support of the people, and that the Alliance has been returned by votes and, therefore, the Alliance has been right. We wish to say this now: that if we believe that we are right, we will continue to stand here and speak even though we stood alone, because truth is objective and it is not always that he who is in the majority knows or has the truth. If such was the case, we would not have had people like Gandhi, we would not have had people like Jesus Christ and nor would Prophet Muhammad himself have gone to Medina. Great nations and great movements and the progress of the world, in fact, have been borne by people who have had to stand alone against the world sometimes. The progress of the world and movements are not borne by sycophants and flatterers. We can easily flatter, we can flatter as well as anyone can. Right or wrong certainly does not depend on whether or not we have the majority.

The Honourable Prime Minister spoke of the fact that the Government is trying to defend the Constitution. Then, why is not the Member for Setapak released? The Government says that it is working out a constitutional reform and would allow our Opposition to speak, then why is not the Honourable Member for Setapak released? The Honourable Prime Minister has unfortunately said that the Honourable Member for Setapak is a traitor. That is indeed a very harsh word to use, and it is, in fact, a criminal word to use. I am sure if the Honourable Prime Minister

repeated it outside and the Member for Setapak was free, he would take action—and if he were here in this House, he would have liked the Honourable Prime Minister to repeat what he said outside—because in order to be a traitor, one must commit treason, and when one commits treason, one can be punished with death. There is no need at all to detain him, so that he cannot answer for his crime, and then to accuse him of the worst crime of all, that of being a traitor. Enche' Boestamam, the Honourable Member for Setapak, was one of those people who, together with many members of the other side, fought against the British. He was detained by the British for 7½ years. He was released and then he formed the Party Rakyat. He was against colonialism and decided that socialism is best for this country and he formed the Party Rakyat. But today a slander is made against him by one who has the power to have him tried properly for the crime he is alleged to have committed.

Mr Speaker, Sir, the Royal Address can in fact be called the royal understatement of the year. The Royal Address itself talks of the difficulties ahead and how we have to face up to our difficulties. I say this, Mr Speaker: blood is on our hands. 150 people armed and in uniform have recently been sent to Sarawak from the Mata Kuching Aerodrome in Butterworth. They were called, I believe, the Police Field Force. But no matter by what name they are called, they have been sent there with arms. It is unfortunate that we should all the time be accused of not having constructive proposals and of being communist agents, as if to say that if people believe we are communist agents, therefore whatever we say is wrong. It is as if to say that because the communist organisations have supported the anti-Malaysia stand, therefore, the anti-Malaysia is wrong, because it is supported by the communists; and that therefore because we supported the anti-Malaysia plan, everybody should go against the anti-Malaysia plan. It is as if to say that because we say that every child should go to school, and because the

communists say that we are right, therefore, no child should go to school, because the communists say so. There is no logic in that and I wish to show from the history of Malaysia that in fact on many occasions it was we in Malaya who had set the lead.

Before the discussion of Malaysia came up in the Singapore Legislative Assembly, the Socialist Front had said we agreed only in principle to the concept of Malaysia. Mr Speaker, Sir, in 1962, I reiterated the following points we have made before: (i) that the Malaysia Plan must be approached not by the Government but by the expressed will of the people of equal standing through independent Bornean States, and Malaysia should be formed with the free will of the people; (ii) the form and structure of Malaysia must be put before the people and the majority will must prevail; (iii) that all people should be politically equal and there should be no discrimination against anyone; (iv) that Malaysia must stand for peace and neutrality and in friendship with Indonesia; (v) it must stand for independence internationally. In a speech delivered in August, 1961, I emphasised that we must for our sake and for our own survival stand for peace and for neutrality. We then warned the Government at that time that if the Government did not proceed along those lines there was bound to be hostility breaking out in the Bornean territories and there was bound to be hostility with Indonesia. We said there was bound to be hostility in the Bornean territories, and we were correct. We had warned the Government. But after going to the Bornean territories we were accused of being fifth columnists. There was an outbreak of hostilities after that. We warned the Government that we must stand for peace and neutrality; we must work for and have a Malaysia in friendship with Indonesia. What did the Honourable Prime Minister say? His Party said that the Socialist Front wanted to sell Malaya to Indonesia. What is the Honourable Prime Minister trying to do today? He is packing up to go to Japan to meet the Presi-

dent of Indonesia at the initiative, unfortunately, of the President of the Indonesian Republic, Soekarno. We knew some two years ago that we had to discuss matters with Indonesia and make sure that Indonesia will not feel threatened, and that we can come to an understanding with her. And if all these points which we had said about Indonesia were not constructive, then I do not know what can ever be constructive to the Government. We have also stated quite clearly that once we accept the concept of Malaysia, we would have to accept the reality of the Malay speaking world, or the Melayu Raya idea. This was stated long ago and this would become a reality.

**Mr Speaker:** What is that you are reading?

**Enche' Lim Kean Siew:** I am referring to speeches I made long ago. And we must view this in relation to Thailand which is to our immediate west. We also said that the Western Powers in their fight against communism require bases, which at present exist in Singapore, the Philippines, Formosa, Indochina, Thailand, South Korea and Okinawa. But since the fight is not only an ideological fight, in such a fight Indonesia would become a threat to the West, and since it is a threat, Singapore and the Malayan bases could be used to meet this intended threat, and we would be involved in a conflict with Indonesia, which Malaya must at all cost avoid. Malaysia would and must become an Asian entity and an Asian reality. We must not ally ourselves with the West. We must, therefore, stand for neutrality and only by standing for neutrality can we get peace. All this was said in the course of several speeches throughout 1961 and 1962 in the University of Malaya, to the foreign press in Singapore, to the Penang discussion group in Penang and to members of the public generally. And yet in spite of this history, in spite of the fact that we had warned the Government of the difficulties of Malaysia, before the Indonesian Government ever thought to oppose Malaysia, we have been accused of being communist stooges. I have heard here only about an hour ago, from the

Honourable Member from Seberang Tengah, accusations which have been made before by the People's Action Party of Singapore. It is surprising that we should echo what in fact is not true. We all know that different people have different motives. The British people want to get rid of the Bornean territories as fast as they can, because they do not want to be accused of being a colonising power. The Government of Singapore wants to get rid of the dissatisfied industrial workers and place them under the control of someone else. The Malayan Government would like Singapore to come in but it is afraid, as the Honourable the Prime Minister has said this morning, of the back becoming the front, so he has thought that he should take in the other Bornean territories. I would like to repeat here once for all that the question of merger with Singapore is a question of integration of two parts of the same country. It is not a question of colonising, as in 1948 Singapore was cut away from Malaya. But once you decide to have Singapore only when you can have the Bornean territories, then you must accept the fact that economically and politically, the Bornean territories are foreign and we are taking over a foreign country. And we say it here and now that this must be with the will of the people. Without the will of the people and with dissatisfaction in the Bornean territories, we must use arms to crush opposition—and that is one lesson which should be learnt from the Brunei uprising, because we have to use arms to meet the hostility of the Bornean people. We have to depend on British arms and, because we have to depend on British arms, we will be accused of being a Western satellite nation, as much as Ngo Dinh Diem is accused, as much as Chiang Kai Shek is accused, as much as the former Government of South Korea has been accused—and it is this that I would like to warn this House about. Now, people say the Opposition is opposed to Malaysia because it is bad for the Opposition. Sir, if we were irresponsible, if we were destructive, if we did not care for the peace and the

stability of Malaya, we would have said: "Yes, have Malaysia at all costs and in this situation." But we have not said so, because we know that once Malaysia is formed under this situation there is going to be chaos, there is going to be instability, which will be good for irresponsible opposition, which we are not. The greater the fight is in the Bornean territories, the more money we spend on arms. And the more money we spend on arms, the less we will spend on rural development; the more our economy is strained, the quicker we will collapse; the quicker we collapse, the faster will the people be dissatisfied; and when they are dissatisfied, they will want a change of Government. In that event, either we become Fascists and shoot anybody who opposes us, in which case there will be revolution, or the Government must give way to the Opposition, which will be us. (*Laughter*). We have constantly warned the Government that it is not so much the case of a power vacuum that is going to be caused without Malaysia here, but that Malaysia will be another new centre of instability and unrest—and I am going to ask, whether or not the Western powers would like that to happen, so that more and more arms and more and more money would be poured into this area to no effect?

Mr Speaker, Sir, the Singapore Government is not having Malaysia because of its ideological struggle. It is not true to say that it is because of the ideological struggle that Singapore must be merged with Malaya. It is a necessity, it is a tactic. I doubt if the Singapore P.A.P. will be satisfied to remain in Singapore, and that is why they are purposely sowing the seed of discontent between the M.C.A. and UMNO. It may be that they think they can take over the place of the M.C.A.—I do not know. But certainly the fight in Singapore is not an ideological fight, and let us not pretend that it is an ideological fight because, if we do, we will confuse the issue. I think I have said enough about Malaysia and recapitulated enough to stop this senseless, illogical and emotional outburst against us and the

accusation that we are pro-communists in the hope that Malaysia cannot be viewed objectively. Malaysia must be viewed objectively—truth is objective. Accusing us will not solve the situation, neither will it give any solution. The British Government says: “If we do not have Malaysia, what is going to happen to Singapore, what is going to happen to the Bornean territories?” My argument is this: “Well, boys, it is your baby. You carry it”. Nobody asks those countries to be colonised and if there is difficulty regarding those territories, it is a difficulty created by the situation, not created by Malaysia. Malaysia is only an attempt to pass the baby.

Mr Speaker, Sir, there is one small incident, the incident of the cholera epidemic which in itself is out of place in this debate—as far as I am concerned I am dealing with Malaysia and the question of the establishment of constitutional democracy. My belief is that people who have been arrested today, including the Honourable Member for Setapak and many others in Singapore, have been arrested in their attempts to establish democracy in practice. Many of us think that because there is a Constitution, therefore with this Constitution there is democracy. However, the Constitution itself is like the bare bones of a government; it is like the skeleton without flesh. Democracy itself must be felt before it is realised by the people. Many of the people here including the Honourable Member for Seberang Tengah have been talking of democracy and the many forms of democracy. It is very easy to read the words, but to give the word that meaning the people must first understand what is democracy. The British Government established parliamentary democracy after 300 years of constitutional struggle, costing many heads including the head of a king. The American Government established the equality of man to man and the abolishment of tyranny of man over man by a revolution against the British Government and a civil war to establish those rights. The French Revolution did proceed towards this question of demo-

cracy until Napoleon came along and perverted the whole revolutionary struggle into imperialism and established an empire. We know Malaya have not yet gone through that constitutional struggle. Many people do not understand what is the meaning of constitutional opposition; many people do not understand the duties and the responsibilities not only of the Opposition but of the Government itself. This cancer of the Internal Security Act has gone so deep that many people think this is all a joke. (Laughter). People say to me, “Well, Kean Siew, you need time to study more. What about going inside for a few years?” (Laughter).

**Dato' Dr Ismail:** Not a bad ideal (Laughter).

**Enche' Lim Kean Siew:** It is now not a question of the struggle to establish different ideologies; it is not a question even of which “ism” is better for the country. It is a question of whether or not we are going to put up a democracy in practice. I know on paper it exists; I know that people talk and people can oppose; but I also know that many people oppose and oppose with fear. Special Branch officers have been known to go to our Party members to ask them to leave the Party or be arrested—“You better leave the Socialist Front and join the Alliance, or give up politics, or we will have to detain you”. Special Branch people have used agents to warn our Party members against me and say, “You cannot mix up with Kean Siew. If you do so, you might be arrested. The best thing is to join the Alliance”. Police officers have been known to *yam seng* to the collapse of the Socialist Front. Those people are Government servants. A certain member from a little town in Johore was told, quite categorically, that he should leave the Labour Party within a month. He did not do so, and he was arrested and detained.

Mr Speaker, Sir, I say, “Set the people free, if you want democracy to succeed”. Let us struggle and bring awareness to the people as to the meaning of democracy. It is this

struggle to bring home to the people the meaning of democracy, because of the fact that people must be made aware of it, that gives hope—opposition is necessary. It is because of the misunderstanding as to the duties of Government that these people have been arrested, and it is into this category of fighters for constitutional democracy who have been arrested, that we put the Member for Setapak, Enche' Ahmad Boestamam.

Mr Speaker, Sir, I say that though cholera is a very small thing, but it is an example of why we need democracy. Everyone here, who has been to Malacca, is aware that for the last two or three months the water there has been saltish. Every one who has been unlucky knows that in Malacca town we drink water from the taps containing salt from the sea—apparently the intakes were put too near the sea and the salt water comes in. A certain doctor—I believe, Dr Field, an expert in tropical diseases—warned the public through one of our newspapers that if this were to continue tropical diseases would break out. Then, recently there has been an order prohibiting people from bathing in salt water, as apparently cholera can be carried in salt water, or water containing salt—I do not know which exactly is true. Further, one thing is very clear: even the Hospital in Malacca is known to have water closets which were unflushed due to water shortage, and it is a fact that many of the outlets from the public waste pipes would flow in the direction of the intakes of the water supply of Malacca. Under that situation, there is no doubt that the outbreak of cholera should have been anticipated, but instead of a public outcry . . . . .

**Mr Speaker:** We have spent two hours on the debate on cholera.

**Enche' Lim Kean Siew:** I am talking on democracy, Sir. It is because of the fact that people do not understand the meaning and need of opposition that the people have not set out to accuse the Government of criminal negligence in respect of the cholera outbreak in Malacca in view

of the facts I have just now stated—that is why I talk about cholera. Instead of setting up an enquiry consisting of people who are not in the Alliance, or a mixed set of people, persons like a Senator and known supporters of the Alliance have been put on the panel of enquiry. What do you expect to come from its report? Another praise of the Government much to the delight, no doubt, of the Cabinet; and no doubt that report will be happily presented to international bodies, who would of course echo the praise again. Why is it that this criminal negligence of Malacca has not brought about a public outcry? Why is it that we have read of the deaths of over ten persons and the sufferings of hundreds of people without a furor being created over this matter? Because constitution exists today, but in form and form only. And I would like to end by saying that in this year, where we are hoping to set up Malaysia, let the Government set the people free; let the Government set up a proper constitutional democracy; and then after the Government has done so, we can discuss who has the majority support of the people and who has the minority support.

Sir, if you refer to the newspapers for the last one and a half years you will find hardly one strong criticism of the Government. There is fear to criticise because of the growing list of conditions put on every licence of any national newspaper; and as long as this cancer spreads, there is fear in the people which will cause the diminishment of opposition, or the voicing of opposition, without which there can never be constitutional democracy, and slowly the people will die and out of death there will rise the ogre which will in the form of Fascism trample our people. Thank you.

**Mr Speaker:** The sitting is suspended for 15 minutes.

*Sitting suspended at 6.15 p.m.*

*Sitting resumed at 6.30 p.m.*

*Debate resumed.*

**Tuan Syed Esa bin Alwee (Batu Pahat Dalam):** Tuan Yang di-Pertua,

saya tidak-lah hendak berchakap panjang di-dalam Dewan ini kerana hendak memberi peluang kepada Menteri<sup>2</sup> Yang Berhormat untok menjawab hujah<sup>2</sup> yang telah di-datangkan oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat di-sa-belah sana. Hanya saya suka mengambil peluang dalam masa yang sengkat ini menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> terima kaseh atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam pembukaan Parlimen pada hari Rabu 22hb Mei, 1963, yang lalu.

Daripada titah ucapan di-Raja itu dapat-lah ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu mengetahui dan faham langkah<sup>2</sup> yang telah di-jalankan oleh Kerajaan dari semenjak negeri ini merdeka dan banyak-lah perubahan<sup>2</sup> daripada berbagai<sup>2</sup> perkara yang boleh membawa kema'moran, kesejahteraan dan kesenangan dalam negeri ini. Sakali pun Kerajaan belum dapat banyak memberikan atau mengadakan beberapa perkara yang memberi kesenangan kepada penduduk<sup>2</sup> dalam negeri ini sa-bagaimana yang di-kehendak oleh mereka, tetapi saya perchaya mereka itu ada-lah puas hati dan bershukor ka-hadrat Allah Subhanahuwata'ala kerana telah mendapat sedikit sa-banyak perkara<sup>2</sup> yang di-kehendaki yang belum mereka dapat pada masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, ranchangan Kerajaan menggalakkan penduduk<sup>2</sup> kampung bertanam dan berternak itu telah dapat sambutan yang baik dan sa-tengah daripada sa-tengah-nya adalah maju dan mendapat kejayaan. Satu perkara yang saya suka membayangkan di-sini ia-itu perkara pasaran. Saya fikir Menteri yang berkenaan patut-lah mengadakan pasaran yang tertentu supaya dapat-lah barang<sup>2</sup> di-keluarkan itu di-hantar kepada pasaran itu kerana dapat harga<sup>2</sup> yang mahal sedikit.

Sa-perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom ada menyatakan:

"... jambatan di-tapak Feri lama di-Prai dan sa-buah tambak di-Juru."

Jambatan ini akan di-dahulukan kerjanya pada tahun ini dan akan siap

dalam tahun 1964. Jambatan Tanah Puteh dan lain<sup>2</sup> jambatan akan di-atorkan dalam tahun ini. Saya merayulah kepada Kementerian ini supaya sungai di-Batu Pahat dan di-Muar yang telah di-ura<sup>2</sup>kan tahun lalu itu dapat di-timbangan dan dapat di-mulakan kerja-nya di-dalam tahun ini.

Pada pagi tadi saya telah dengar Yang Amat Berhormat Tunku Perdana Menteri akan berangkat ka-Jepun menghadiri satu perjumpaan dengan President Soekarno berunding dalam perkara keamanan negeri. Kita semua berdo'a kepada Allah Subhanahuwata'ala mudah<sup>2</sup>an segala chita<sup>2</sup> yang baik Allah Ta'ala kabulkan.

**Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasar Mas Hulu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ada-lah menyokong pindaan yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok kerana dengan membacha Titah di-Raja ini maka pehak kami di-sini tidak-lah puas hati kerana banyak perkara<sup>2</sup> yang besar tidak terkandung dalam Titah di-Raja itu. Sa-bentar tadi kita telah mendengar Yang Berhormat wakil Pontian Selatan bahawa beliau merasa dukachita kerana di-dalam Titah di-Raja tidak tersebut atas permintaan bagi menyamakan gaji guru<sup>2</sup> wanita dengan guru<sup>2</sup> laki<sup>2</sup>, ini menunjukkan bahawa Titah di-Raja ini tidak-lah lengkap dan kemas sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dari sa-belah sana.

Tuan Yang di-Pertua, perkara RIDA dan baharu<sup>2</sup> ini kita telah dengar RIDA telah membeli share N.E.T.S. Bus Company di-Kota Bharu dan RIDA telah memutuskan hendak menjualkan 25 peratus share<sup>2</sup> itu kepada orang<sup>2</sup> Melayu, dan khabarnya sudah di-jual lebeh 4 peratus daripada harga asal-nya. Ini bukan-lah chara hendak menolong orang<sup>2</sup> Melayu dalam berniaga. Dan ini bukan-lah chara-nya RIDA patut berbuat demikian. Sebab kalau hendak menjualkan share<sup>2</sup> itu kepada orang<sup>2</sup> Melayu hendak-lah di-jual pada harga yang asal—jangan mengambil untung, sebab itu kurang sangat orang<sup>2</sup> Melayu di-Pantai Timor membeli share<sup>2</sup> itu. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada chuba

merayu kepada sharikat<sup>2</sup> perniagaan dan perusahaan untuk menerima orang<sup>2</sup> Melayu menjadi buroh<sup>2</sup>. Menjadi buroh ini bukan ma'ana-nya penyertaan yang bererti sangat dalam perniagaan dan perusahaan. Tetapi itu pun kerja Kerajaan sangat sedikit kerana saya tahu banyak sharikat<sup>2</sup> dan perniagaan banyak ambil nama sahaja orang<sup>2</sup> Melayu bekerja di-dalam-nya. Sa-patut-nya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan hendak-lah mengambil tahu dan sentiasa mengambil berat serta menyasat buroh<sup>2</sup> Melayu dalam tiap<sup>2</sup> company supaya jangan mereka mengelak daripada membawa orang<sup>2</sup> Melayu bekerja dalam sharikat<sup>2</sup> perniagaan dan perusahaan, dan kalau ini pun tidak dapat di-buat ta' usah-lah banyak propaganda. Maka dengan sebab itu-lah, pehak kami telah membawa satu usul dalam Parliamen ini dahulu ia-itu supaya di-adakan satu peratoran dan undang<sup>2</sup> bagi mengambil orang<sup>2</sup> Melayu bekerja dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, tetapi malang-nya, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menolak usul itu dengan mengatakan bahawa serba-serbi-nya telah berjalan dengan baik, dan orang<sup>2</sup> Melayu tidak akan ketinggalan dalam lapangan perdagangan dan perusahaan.

Dalam Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada mengatakannya.

"Bagi pehak Kerajaan Beta, Beta suka hendak mengucapkan sa-tinggi<sup>2</sup> terima kasih kepada mereka yang telah menunaikan kewajipan-nya dengan ta'at setia dan menjalankan berbagai<sup>2</sup> tugas dengan tekun."

Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang senang sa-kali mengucapkan terima kasih kepada pegawai<sup>2</sup> ini, sebab ucapan terima kasih itu hanya-lah ayer liur sahaja, tetapi apa-kah layanan yang di-berikan bagi memperbaiki keadaan hidup pegawai<sup>2</sup> Dewan ini sudah jemu dengan pengakuan<sup>2</sup> dan kenyataan<sup>2</sup> Menteri<sup>2</sup> dalam hal pegawai<sup>2</sup> dan kaki-tangan Kerajaan. Chuba kita lihat nasib kaki-tangan<sup>2</sup> jawatan rendah, seperti anggota polis mereka ini mempunyai tugas yang tegas, dan Kerajaan telah menggula<sup>2</sup>kan dengan kenaikan gaji anggota polis ini akan di-

fikirkan. Fikir dan hingga hari ini nasib anggota<sup>2</sup> polis yang bergaji rendah tidak terbelah dan gaji mereka tidak di-naikkan walau pun pehak kami di-sini mengemukakan tuntutan<sup>2</sup> dari sa-masa ka-samasa. Dalam perkara ini Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah juga menyatakan supaya gaji anggota<sup>2</sup> polis ini dapat di-pertimbangkan dan segera kenaikan gaji di-lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, anggota<sup>2</sup> polis ada-lah mempunyai tugas yang berat. Oleh yang demikian maka mustahak-lah mereka ini di-tambah gaji mereka sa-bagai penghargaan kepada khidmat mereka. Terima kasih sahaja daripada Kerajaan pada tiap<sup>2</sup> kali ucapan di-Raja tidak-lah mendapat membela nasib mereka itu. Titah ucapan di-Raja ini telah menyebutkan tentang ikhtiar Kerajaan hendak membesarkan Angkatan Bersenjata Persekutuan Tanah Melayu, tetapi satu perkara yang saya perhatikan berlaku dalam tentera kita yang menunjukkan ia-itu Kerajaan ini tidak berjalan dengan betul telah nampak pileh kasih kepada orang<sup>2</sup> gulongan yang tertentu dalam memberi jawatan<sup>2</sup> yang penting dalam tentera itu. Gulongan ra'ayat biasa, walau pun lama berkhidmat dan sama pangkat-nya tidak di-galakkan. Perbuatan seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak patut di-lakukan dalam tentera di-mana kita berkehendakkan perkhidmatan yang penoh dalam tentera yang tidak di-ganggu oleh perasaan tidak puas hati yang di-timbulkan akibat pileh kasih dan tekanan yang halus itu.

Dalam memperkatakan pegawai<sup>2</sup> Kerajaan ini, saya ingin berchakap terhadap kaki-tangan<sup>2</sup> Kerajaan yang tidak mahu menyokong kekaruti politik Perikatan. Tekanan<sup>2</sup> itu dirasai oleh kaki-tangan<sup>2</sup> Kerajaan. Siapa yang chuba hendak menunjukkan kesungguh-nya dalam fikiran-nya menentang dasar Parti Perikatan, ditukarkan dan di-tekan. Banyak chontoh yang berlaku di-merata<sup>2</sup> tempat diseluruh Persekutuan Tanah Melayu. Kebebasan berfikir dan menganut fahaman politik yang sa-suai dengan pemikiran tidak lagi di-beri seperti mesti-nya; sedangkan orang<sup>2</sup> yang

menyokong Perikatan di-beri perlindungan yang tidak halal, kelas dewasa di-seluruh Tanah Melayu ini hampir 90 peratus guru<sup>2</sup> dan penyelia<sup>2</sup> dan ahli<sup>2</sup> propaganda-nya ada-lah penyokong<sup>2</sup> Perikatan. Ini bukan-lah satu rahsia bahkan ada-lah di-ketahui oleh umum, dan ini telah menyebabkan orang telah meluat kepada chara Kerajaan Perikatan yang zalim dalam mengendalikan pentadbiran dalam negeri ini; dengan membelanjakan wang ra'ayat kerana kepentingan parti mereka. Kita tahu juga, Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Khas Jabatan Penerangan ada-lah penoh dengan agent<sup>2</sup> Parti Perikatan dan ahli<sup>2</sup> propaganda-nya, dan di-beri gaji wang ra'ayat bagi kepentingan parti mereka.

Tadi saya telah mendengar hujah<sup>2</sup> Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah dan juga Ahli Berhormat dari Jelebu-Jempol yang mentafsirkan pendirian dan demokrasi dalam fahaman PAS ia-itu demokrasi di-atas hak-nya. Kita telah menegaskan bahawa pendirian PAS ada-lah demokrasi atas hak orang<sup>2</sup> Melayu sendiri. Kalau sa-kiranya Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat itu dan UMNO sendiri tidak mahu, atau tidak sanggup memperjuangkan hak bangsa Melayu yang sa-benar-nya, atau hanya sanggup main<sup>2</sup> sa-tengah sahaja, maka baik-nya perkara itu di-terangkan kepada ra'ayat dengan jelas dan saya harap kedua<sup>2</sup> Ahli Yang Berhormat itu apabila balek terangkan kepada pengundi<sup>2</sup> dalam kawasan mereka supaya pengundi<sup>2</sup> mereka dapat faham dan dapat menentukan sikap mereka sama ada mereka akan menyokong Parti Perikatan pada masa akan datang atau pun tidak. Kalau sa-kira-nya bagini-lah pendirian penganjor<sup>2</sup> UMNO, maka lebeh baik serahkan sahaja kepada kami bagi memperjuangkan nasib orang<sup>2</sup> Melayu. Kami ada-lah sanggup untok memperjuangkan hak mutlak bangsa Melayu dalam tanah ayer kita.

Dan bagitu juga sa-malam Yang Berhormat wakil Seberang Utara dalam hujah<sup>2</sup>-nya telah chuba menghasud Kerajaan, dan memberi gambaran bagaimana pakatan K.M.M. dahulu dan tentera<sup>2</sup> membawa Jepun masuk ka-Tanah Melayu dan P.K.M.M. yang chuba memberuntak dalam negeri ini.

Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, terjadi masa penjajahan, dan tidak patut di-ulang lagi. Tetapi apa yang saya muskilkan ini ada-lah chubaan daripada pehak Parti Perikatan bagi menghasud Kerajaan dengan tujuan ditahan dan di-tangkap banyak lagi penganjor<sup>2</sup> dan ahli<sup>2</sup> siasah dalam negeri ini yang berlawanan dasar dan pendapat, kerana Pilehan Raya telah hampir supaya mereka senang menang dalam Pilehan Raya. Ini-lah akal-nya. Oleh sebab saya telah berjanji dengan, Tuan Yang di-Pertua, berchakap sa-takat sa-lama 10 minit sahaja, maka tidak-lah dapat saya memanjangkan perchakapan saya ini walau pun banyak perkara lagi yang saya hendak chakapkan.

**Enche' S. P. Seenivasagam:** Mr Speaker, Sir, one does not usually take the trouble to reply to the speech of one whom one considers to be mentally deranged, but then the speech of the Honourable Member for Larut Utara has received a certain amount of publicity. Therefore, I intend, in the very short time at my disposal to make a brief reply. I was not here, and if I am wrong I should be stopped, because I rely on a report from the newspaper. The Honourable Member is supposed to have said that we first came to know His Highness the Sultan of Perak at a ceremony concerned with the opening of a car park in Ipoh and ever since then we have been attempting to curry favour with His Highness. Now, for the information of the Honourable Member for Larut Utara, my parents and my family have known successive Sultans of Perak long before the Member for Larut Utara ever dreamt that he would one day rise from the gutter to come within sight of the Sultan.

The second allegation which the Honourable Member for Larut Utara has made is that the Peoples' Progressive Party wishes to do away with Sultans. That again is in the newspaper report. I say, if he has said that, it is a deliberate lie. I invited him to produce any document, any statement, by the Peoples' Progressive Party that it wishes to do away with Sultans—and if he could do that, I will resign my

seat in Parliament tomorrow. This is the sort of lying that the Honourable Member for Larut Utara always and forever resorts to in this House, bringing disgrace to his own community. The Honourable Member for Larut Utara also asks, what right have So-and-so to demand apology on behalf of the Sultan? I say that it is not only the right but also the duty of every loyal subject of a Sultan to see that the Sultan is not insulted; and if one feels that the Sultan is insulted, it is his duty as a loyal subject to demand redress for him. The Honourable Member, I take it, is a loyal subject of His Highness the Sultan of Perak, but from his utterances in this House, it is obvious that his loyalty does not lie with His Highness but lies with the political Party which makes it possible for him to earn his daily bread.

On the question of relationship between the Rulers and the Federation Government or the Prime Minister, I would suggest that the proper thing to do would be for the Honourable Prime Minister to advise the Governments of Selangor and Perak to resign, because that is what would happen in any other country where there are self-respecting men. You are supposed to be advising His Highness, and when His Highness says, "No confidence in you", what is the proper thing to do, what is the decent thing to do? The proper thing to do is to say, "All right, let us see who is right—the Sultan is right, or we are right." Stand for election again. But no, with skins thicker than an elephant's hide they stick on to office, although the Sultans have said, "We have no confidence in you." That is the sort of democracy that is being practised in this country.

In so far as the Member for Larut Utara is concerned, I propose to leave it at that, although if I had more time I could say more on his speech—though, perhaps, I shall be doing honour to him by talking much about him.

Regarding the Prime Minister, I was surprised, because seldom have I seen him descending almost to the level of the Honourable Member for

Larut Utara, because in his speech he certainly became offensive and abusive. Referring to the Honourable Member for Ipoh, he said, "Where would his education be if his family had not migrated to Malaya."? That I take to be a sneer directed against immigrants. But may I ask the Prime Minister to remember that today he would not be existing as a human being but for the immigrants? Let him think over before he sneers at immigrants.

**The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lama menunggu hendak menjawab, tetapi oleh kerana waktu sudah sengkat, saya ringkaskan sahaja jawapan saya. Yang pertama saya hendak menjawab tuduhan<sup>2</sup> yang tidak ada alasan berkenaan dengan corruption (rashuah atau makan suap) dalam Pentadbiran Keretapi yang di-bawa oleh Yang Berhormat dari Bungsar. Saya menafikan dengan sa-keras<sup>2</sup>-nya tentang perkara ini. Beliau ada membawa tiga tuduhan. Yang pertama mengapa Lembaga Pelabohan Port Swettenham menyewa lori daripada cargo handling, tetapi lori yang di-gunakan dalam kawasan pelabohan itu tidak bayar cukai. Sebagai sa-orang Ahli Yang Berhormat, beliau mesti faham ia-itu lori<sup>2</sup> yang di-gunakan dalam kawasan pelabohan itu memang tidak di-kenakan cukai. Kalau kerana itu-lah kata-nya corruption—saya tidak tahu apa yang saya hendak chakap. Ahli Yang Berhormat tidak boleh menjadi Hakim di-dalam perkara itu. Yang kedua berkenaan dengan menyewa penarek tongkang (tug). Kata-nya, pehak pelabohan Port Swettenham tidak keluarkan tender. Yang sa-benar-nya, Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat Dewan ini faham bagaimana kita telah di-kutok ia-itu di-katakan pelabohan Port Swettenham itu tidak layak menerima kapal<sup>2</sup> besar dari seluroh dunia ka-mari kerana lambat membongkar barang<sup>2</sup>. Saya sa-bagai Menteri yang bertanggung-jawab menchari jalan dan kami telah pun di-sokong oleh Kerajaan dalam Dewan ini mengadakan satu "ranchangan kilat" (crash programme). Wang \$1 juta telah di-untokkan. Tambatan<sup>2</sup> telah banyak di-adakan, tetapi kapal penarek itu

kurang. Kena-lah dengan sa-berapa segera berunding untok menyewa, kira hari, kerana hendak menchermatkan belanja. Ini pun dia kata corruption. Ini pendapat daripada mana? Saya tidak tahu. Yang ketiga berkenaan dengan sewa tongkang (lighter). Saya sa-bagai Menteri telah dapat desakan daripada seluroh orang<sup>2</sup> yang berniaga tongkang dalam Tanah Melayu ini hendak chari peluang berniaga tongkang. Kami telah membena pelabohan yang berjumlah \$40 juta harga-nya, hanya beberapa bulan lagi akan sempurna, tetapi kalau kami hendak membiarkan tongkang bermaharajalela tentu-lah pelabohan tidak berguna, kapal<sup>2</sup> sa-mata<sup>2</sup> akan menggunakan tongkang<sup>2</sup>. Tetapi apabila tongkang kurang kerana membongkar barang<sup>2</sup> di-Sungai Klang, maka Lembaga Pelabohan Port Swettenham itu di-beri kuasa untok menyewa tongkang<sup>2</sup> yang ada di-kawasan Port Swettenham dengan harga yang murah supaya dapat lekas membongkar barang<sup>2</sup> itu. Al-hamdulillah, sa-patut-nya Socialist Front yang mahukan pelabohan itu maju dan pekerja<sup>2</sup>-nya untong sebab banyak kapal datang, berterima kaseh kepada Kerajaan Perikatan, tetapi mereka menudoh Pentadbiran Keretapi ini corruption—makan suap—suap apa yang di-suap-nya itu (*Ketawa*), suap di-mulut-nya makan nasi hari<sup>2</sup>—saya tidak tahu. Itu-lah telatah<sup>2</sup> yang saya katakan tudohan<sup>2</sup> Yang Berhormat dari Bungsar itu melulu, kata orang kita. Itu-lah tudohan<sup>2</sup>-nya. Menudoh pehak Pentadbiran Keretapi corruption, tidak ada alasan, bahkan sa-mata<sup>2</sup> menudoh dengan melulu, dan hendak menjatohkan nama baik Pentadbiran Keretapi. Kerajaan Perikatan dan saya sa-bagai Menteri yang bertanggung-jawab dalam hal ini. Saya tidak hendak berchakap panjang, sebab sa-bagaimana yang saya katakan, kita hendak menchermatkan masa, itu sebab kita berunding, kemudian kita mengadakan tender jika kita berkehendakkan beberapa banyak lighter lagi pada masa kahadapan.

Atas tiga tudohan yang telah di-bawa tadi yang mengatakan chontoh<sup>2</sup> itu corruption maka saya menolak tudohan<sup>2</sup> yang tidak ada asas sama sa-kali. Yang kedua soal mogok semua orang

sudah lupa kesah itu, sudah basi, tetapi di-katakan Menteri tidak bertanggung-jawab, fasal mogok di-katakan Menteri tidak bertanggung-jawab dan di-minta berhenti. Yang Berhormat dari Bungsar ini hendak menjadi hakim, saya belum lagi mahu menerima dia menjadi hakim dan mahu menerima hukuman-nya, yang saya boleh pegang ia-lah Yang Teramat Mulia Ketua Parti Perikatan Tunku Abdul Rahman dan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang melantek saya sa-bagai Menteri dan saya perchaya penoh saya telah melaksanakan apa juga kewajipan saya sa-bagai Menteri Pengangkutan, kalau di-minta keterangan “not my business”, “bukan kerja saya”. Saya suka menerangkan, pada satu hari pemberita surat-khabar Inggeris bertanya kapada saya, kenapa saya tidak masok champor di-dalam mogok. Saya jawab itu bukan kerja saya, kerana Menteri Buroh telah menjalankan kerja-nya supaya selesai mogok, tetapi tidak jaya dan saya tidak di-minta oleh pehak RUM menyelesaikan mogok saperti yang di-minta kapada Yang Mulia Ungku Aziz.

**Mr Speaker:** Order! Order! Saya hendak ingatkan di-dalam Order of the Day ada satu usul di-bawa supaya Menteri itu berhenti daripada jawatannya. Jadi, saya rasa mengikut Standing Order jika ada satu usul yang khas tidak boleh-lah di-chakapkan lebeh dahulu dan manakala sampai usul itu datang di-bahathkan di-dalam Majlis ini baharu-lah boleh di-chakapkan. Saya boleh-lah benarkan sedikit sahaja untok menjawab-nya, tetapi tidak boleh panjang dengan sebab perkara itu ada di-sebut oleh Yang Berhormat dari Bungsar dahulu. Jangan-lah di-panjangkan kerana kita akan membahathkan usul yang ada di-hadapan Majlis ini.

**Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir:** Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak ada di-sini, jadi kita tidak dapat tahu sama ada usul ini hendak di-bahathkan atau tidak. Saya juga mempertahankan tudohan<sup>2</sup> yang di-hadapkan kapada Pengurus Besar Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu yang di-sebutkan nama-nya Dato' Ahmad bin Perang bagaimana yang

tersiar di-*Utusan Melayu* tidak layak ia memegang jawatan itu. Saya sebagai Menteri yang bertanggung-jawab memang percaya dengan kebolehan Dato' Ahmad bin Perang sa-bagai sa-orang yang mahir di-dalam soal administration atau perkhidmatan dan beliau telah pernah menjadi Setia-Usaha Kewangan Negeri Johor dan dari sana ka-RIDA dan beliau membetulkan Sharikat NETS di-negeri Kelantan yang Kerajaan telah meminjamkan wang dua juta ringgit dan sekarang mendapat kemajuan sa-lepas tahun 1947 ini banyak untung, juga di-dalam suatu masa dahulu masa menjadi Ketua RIDA beliau dudok di-dalam Majlis Lembaga Keretapi yang mana beliau faham juga selok belok keretapi, oleh kerana beliau mahir dalam administration kewangan maka beliau telah di-pilih menjadi Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu. Patut pehak<sup>2</sup> pembangkang menguchapkan terima kaseh kepada Kerajaan Perikatan yang telah memilih sa-orang anak negeri kita sendiri. Beliau juga menjalankan ikhtiar menolong bekerjasama dengan pehak<sup>2</sup> ini dan dengan kerjasama-nya dapat merundingkan dan dapat menyatupadukan enam Union menjadi sa-buah. Selain daripada itu beliau dalam menjalankan kewajipan-nya bagaimana Yang Berhormat faham keretapi telah rugi pada tahun 1959 dekat 5 juta ringgit, tetapi alhamdulillah pada tahun 1960 dan 1961 dapat menutup kerugian itu. Ini ada-lah menunjukkan kecekapan beliau dan kerjasama daripada pehak pekerja<sup>2</sup>. Tetapi saya dukachita, kepada pehak pekerja<sup>2</sup> ini telah pun ada peratoran<sup>2</sup> Perlembagaan Joint Council yang mana kira-nya tuntutan gaji-nya yang telah di-majukan itu tidak boleh di-setujukan maka boleh di-rojokkan kepada pehak yang ketiga atau orang tengah, malang-nya pehak Union tidak mahu merojokkan, dengan itu-lah menjadi satu keputusan pehak Union mengadakan mogok. Jadi, mogok keretapi sa-lama 24 hari itu bukan-lah sebab tidak bijak dan bukan-lah tidak ada kebolehan Pengurus Besar-nya atau pun Menteri. Saya suka menerangkan kepada Yang Berhormat dari Bungsar itu berkenaan dengan

